

# Konsep Hegemoni: Dominasi Superstruktur Menerusi Genre 'Rock Kapak' Sebagai Sebuah Budaya Popular Di Malaysia

## *The Concept of Hegemony: Superstructure Domination through the 'Rock Kapak' Genre as a Popular Culture in Malaysia*

Muhammad Farhan Noor Azimi  
Kolej Pengajian Seni Kreatif, UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak  
Perdana, Malaysia

Corresponding Author: [lokmanfarhan@gmail.com](mailto:lokmanfarhan@gmail.com)

### ABSTRAK

Artikel ini membincangkan berkenaan sebuah genre muzik iaitu 'rock kapak' yang telah menjadi sebuah budaya popular khususnya menerusi industri hiburan di Malaysia sekitar era 1980-an. Sejajar dengan itu, pengaplikasian kerangka teori dan konsep yang diperkenalkan oleh Antonio Gramsci iaitu konsep hegemoni menjadi keutamaan dalam melihat keupayaan genre muzik 'rock kapak' sebagai sebuah budaya popular di Malaysia. Sehubungan dengan itu, gelombang genre muzik yang berasal daripada barat ini juga banyak mempengaruhi dan memberikan kesan yang besar dalam perubahan identiti sosial masyarakat di Malaysia pada ketika itu. Selaras dengan itu, artikel ini bertujuan untuk menganalisis hubungan di antara konsep hegemoni dan budaya popular seperti 'rock kapak' serta untuk membincangkan elemen dominasi superstruktur di bawah konsep hegemoni menerusi budaya popular seperti 'rock kapak' khususnya di Malaysia. Justeru, menerusi perspektif 'rock kapak' di Malaysia sebagai sebuah budaya popular, artikel ini ingin menghujahkan bahawa penggunaan dan keberkesanan konsep hegemoni dalam mencorak perubahan identiti serta pendominasian superstruktur terhadap 'rock kapak' melalui institusi pentadbiran di Malaysia.

**Kata Kunci:** hegemoni; Rock Kapak; budaya popular; muzik Malaysia

### ABSTRACT

*This article explores the music genre 'rock kapak,' which became a significant aspect of popular culture, especially within Malaysia's entertainment industry during the 1980s. The study applies Antonio Gramsci's theoretical framework and concept of hegemony to examine the influence and capacity of the 'rock kapak' genre as a popular culture phenomenon in Malaysia. The Western-originated music genre had a considerable impact on the transformation of social identity in Malaysian society during that period. The article aims to analyze the relationship between hegemony and popular culture, specifically 'rock kapak,' and to discuss the elements of superstructure domination through popular culture under the concept of hegemony in Malaysia. By examining 'rock kapak' as a facet of popular culture in Malaysia, the article argues for the effectiveness of the hegemony concept in shaping identity changes and the superstructure's domination over 'rock kapak' through administrative institutions in Malaysia.*

**Keywords:** hegemony; Rock Kapak; popular culture; Malaysian music

## PENGENALAN

Terma 'Rock Kapak' merupakan salah satu genre muzik yang terkenal dan sensasi di Malaysia yang bermula pada awal 1980-an. Seterusnya, keserlahan dan penerimaan genre 'Rock Kapak' ini juga telah menjadikannya sebuah budaya popular di kalangan masyarakat di Malaysia. Dalam konteks budaya popular ianya juga dapat diterjemahkan sebagai sebuah budaya yang dihasilkan oleh masyarakat (*culture of the people*), ianya berinteraksi dengan masyarakat dalam kehidupan sehariannya melalui gaya pemakaian, komunikasi, pemakanan dan banyak lagi (Delaney, 2017). Walaubagaimanapun, dalam konteks Malaysia pengaruh genre atau budaya popular ini menerima tanggapan yang negatif oleh sesetengah pihak khususnya institusi pentadbiran.

Secara umumnya, genre rock ini mula mendominasi muzik di kalangan masyarakat di dunia apabila bermulanya pada sekitar tahun 40-an dan ianya dikenali sebagai 'rock and roll' di Amerika Syarikat. Campuran antara genre muzik 'blues' dan rentak 'country' serta diadunkan dengan bunyian atau petikan gitar elektrik telah berjaya memperwujudkan genre rock ini (Grierson, 2018). Penonjolan genre rock ini telah memberi impak kepada penggiat muzik pada waktu itu untuk menyerlahkan bakatnya seperti bintang terkemuka Amerika Syarikat iaitu Elvis Presley. Selaras dengan itu, Sanneh (2021) menyatakan bahawa muzik bergenre rock ini memainkan peranan yang penting dalam aspek integrasi antara kaum di Amerika Syarikat dan berikut merupakan kenyataan daripada beliau:

*"Unlike country music, which sanctified rural white lifestyles, or R&B, which catered to multigenerational Black listeners, rock 'n' roll does not generally derive its identity from the demographics of its audience"* (Sanneh, 2021)

Selanjutnya, Grierson (2018) juga menghujahkan bahawa genre rock juga mengalami evolusinya pada awal tahun 70-an hingga 80-an. Evolusi ini telah menyaksikan perubahan corak dan rentak muziknya yang lebih berat serta ganas. Sejalan dengan itu, evolusi ini telah memperlihatkan kemunculan kumpulan-kumpulan rock di Amerika Syarikat seperti *Metallica*, *Kiss*, *Queen* dan banyak lagi yang mempunyai gaya dan peminat yang tersendiri. Sehubungan dengan itu, pernyataan masalah bagi artikel ini adalah berkenaan pendominasian sebuah entiti yang dilihat berkuasa terhadap suatu perkara yang dilihat menjadi tumpuan ramai khususnya komuniti atau 'popular' khususnya menerusi industri tempatan – maka konsep hegemoni yang diperkenalkan Gramsci (1971) menjadi dominan dalam melihat keupayaan dan keberhasilan hubungan kedua-dua entiti ini. Justeru, menerusi perspektif 'rock kapak' di Malaysia sebagai sebuah budaya popular, artikel ini akan menghujahkan bahawa penggunaan dan keberkesanan konsep hegemoni dalam mencorak perubahan identiti serta pendominasian superstruktur terhadap 'rock kapak' melalui institusi pentadbiran di Malaysia.

## KONSEP HEGEMONI DAN DOMINASI SUPERSTRUKTUR

Konsep hegemoni yang diperkenalkan oleh Antonio Gramsci merupakan seorang ahli falsafah yang berhaluan kiri selain Karl Max. Selaras dengan itu, konsep-konsep ideologinya seperti hegemoni, sosial masyarakat, politik dan lain-lain telah banyak memberi kesan dan impak kepada kesedaran politik dan perubahan sosial

masyarakat (Endah Siswati, 2017). Seterusnya, konsep hegemoni merupakan sebuah ideologi entiti tertentu dalam melakukan pendominasian terhadap entiti yang lain demi menguasai dan kepuasannya. Dewi Saklina Lasiana dan Mamik Tri Wedawati (2021) menerusi penulisannya juga menghujahkan bahawa setiap manusia seharusnya mengadaptasikan konsep ini demi mencapai matlamat yang diidami serta ianya merupakan salah satu strategi dalam menguasai kelas yang dominan demi mendapatkan tarikan daripada kelas subdominan (cabang kepada kelas yang dominan). Sejajar dengan itu, Gramsci (1971) juga menyatakan bahawa konsep hegemoni ini boleh diadaptasi kepada dua cara iaitu secara kasar atau paksaan (menerusi pihak berkuasa) atau secara intelektual (halus).

Selaras dengan itu, Muhammad Nadzri dan Ghazali (2008) mengutarakan bahawa ahli pemikir seperti Machiavelli dan Pareto juga membincangkan terhadap dua kaedah ini iaitu secara paksaan dan sukarela atau intelektual. Tambahan pula, menerusi penulisannya menerangkan bahawa Machiavelli (1975) menjelaskan keberkesanan tindakan dan perbuatan pemerintah dalam mengekalkan kuasa berbanding persoalan moral manakala Pareto (1970) menjelaskan berkenaan penggunaan kaedah paksaan dan tipu helah yang membabitkan penindasan dan strategi yang licik. Sejajar dengan itu, Gramsci (1971) menghujahkan bahawa dua kaedah seperti kasar atau paksaan serta secara intelektual mampu memberikan kesuburan dan kelancaran dalam pelaksanaan konsep hegemoni. Sehubungan dengan itu, kaedah-kaedah yang diketengahkan oleh Gramsci ini mampu memberikan kesan yang mendalam terhadap penerapan ideologi konsep hegemoni terhadap masyarakat daripada pemerintah.

Di samping itu, Marsyela Nurtaviola Widyaswari (2016) juga mengutarakan bahawa kerangka teori daripada Gramsci (1971) ini juga mempunyai enam elemen yang mampu dilunaskan menerusi konsep hegemoni iaitu kebudayaan, kepercayaan popular, hegemoni, ideologi, intelektual dan kenegaraan. Keenam-enam elemen atau bentuk ini mempunyai tujuan dan matlamat yang sama dalam mendominasi kelas-kelas tertentu. Menurut Gramsci (1971), elemen kebudayaan mampu membina dan membentuk kesedaran moral serta sosial masyarakat dalam memahami fungsi sejarah, kehidupan dan hak. Selari dengan itu, Marsyela juga menghujahkan bahawa Gramsci menyatakan kepentingan penyebaran ideologi dalam membentuk kejayaan terhadap hegemoni.

Selanjutnya, kepercayaan popular menjadi aspek yang dominan dalam membentuk perubahan dari sudut sosial serta Gramsci (1971) juga mengutarakan bahawa elemen ini mempunyai kekuatan dalam mempengaruhi sifat dan sikap masyarakat khususnya dari sudut sosial. Misalnya, hubungan antara ideologi ini dan budaya popular seperti genre dangdut di Indonesia menggambarkan penerapan hegemoni daripada pihak atasan kepada masyarakat yang mencetuskan rundingan dan timbal balik dari kedua-dua pihak. Selain itu, Marsyela juga membincangkan bahawa elemen intelektual menjadi ejen kepada perubahan yang memainkan peranan dalam menyebarkan ideologi perubahan kepada masyarakat umum manakala elemen kenegaraan atau negara lebih tertumpu kepada badan pemerintah dalam mendominasi dan menjalin persefahaman bersama masyarakat di bawah. Justeru, pendominasian terhadap kelas-kelas tertentu seperti substruktur dan superstruktur oleh pihak atasan mampu melancarkan aktiviti hegemoni.

Sehubungan dengan itu, Muhammad Nadzri dan Ghazali (2008) juga menghujahkan menerusi penulisannya bahawa Karl Marx menyatakan menerusi sudut sosiologi sistem masyarakat boleh dibahagikan kepada dua bentuk atau kategori iaitu substruktur yang berbentuk material manakala superstruktur adalah sebaliknya.

Sejajar dengan itu, dasar atau asas pembentukan sistem masyarakat superstruktur adalah terbentuk menerusi kategori substruktur yang mewakili ekonomi dan kelas sosial. Seterusnya, Muhammad Nadzri dan Ghazali (2008) juga membincangkan bahawa kategori superstruktur terdiri daripada institusi atau organisasi di dalam kelompok masyarakat dengan disusun atur mengikut kehendak dan kesesuaian pihak pemerintah. Justeru, pendominasian superstruktur menjadi aspek yang penting bagi pihak pemerintah dalam pelaksanaan konsep hegemoni kepada masyarakat. Manakala, dominasi superstruktur yang diujahkan Karl Marx juga menjadi rujukan dan Gramsci (1971) mengujahkan bahawa konsep superstruktur ini telah menjadi penghalang kepada pihak perantara seperti media massa dalam memberikan kesedaran yang nyata kepada masyarakat tetapi sebaliknya setelah didominasi oleh kelas tertentu. Misalnya, terdapat sesetengah undang-undang di dunia dilihat kejam oleh masyarakat malah pihak pentadbiran juga tetapi pihak berkuasa telah menggunakan media khususnya dengan menyatakan bahawa undang-undang ini demi keselamatan negara, lalu secara logik akal nya masyarakat akan menerimanya dengan fikiran yang terbuka undang-undang tersebut. Sejajar dengan itu, penguasaan dan pendominasian secara menyeluruh superstruktur seperti media massa dan masyarakat akan memberi kesan yang mendatangkan hasil terhadap penerapan ideologi hegemoni (Muhammad Nadzri & Ghazali, 2008). Seyogianya, penerapan konsep ini juga dapat dilihat menerusi pengaruh yang kuat dibawa oleh sesebuah budaya popular seperti 'rock kapak'.

## **PENGARUH ROCK KAPAK SEBAGAI BUDAYA POPULAR DALAM KONTEKS HEGEMONI**

Dalam konteks tempatan, Malaysia juga tidak ketinggalan untuk menghasilkan serta menonjolkan karya muzik yang berlandaskan genre rock ini. Pada awal penghujung 1970-an dan dekad 1980-an telah menyaksikan kemunculan kumpulan atau 'band' rock tempatan seperti *Search*, *Lefthanded*, *Wings* dan banyak lagi serta menjadi ikutan masyarakat di negara ini. Seterusnya, terma 'rock kapak' digunakan dalam menggambarkan kumpulan-kumpulan ini dengan muzik yang telah dihasilkan oleh mereka. Genre 'rock kapak' ini juga telah mendominasi stesen-stesen radio berbanding muzik pop yang merupakan pesaingnya serta 'rock kapak' juga telah berjaya menempatkan diri di dalam medium arus perdana apabila mula menyaingi muzik yang lain seperti penglibatan kumpulan-kumpulan ini di Anugerah Juara Lagu (Wan Ahmad Shaufig, 2020). Di samping itu, kewujudan dan gerakan genre 'rock kapak' ini adalah merupakan sebuah pengaruh daripada budaya Barat yang diselina masuk kepada masyarakat atau komuniti di negara ini untuk memperbanyakkan cabang muzik di sini.

Walaupun bagaimanapun, genre muzik 'rock kapak' di Malaysia ini telah banyak mempengaruhi masyarakat khususnya peminat tegarnya dari pelbagai sudut dan aspek sama ada pengaruh atau impak positif atau negatif. Selaras dengan itu, genre 'rock kapak' atau genre yang lain sebagai sebuah budaya popular sememangnya mampu dalam mempengaruhi serta mengubah identiti individu tersebut supaya dapat mengikuti *trend* atau sesuatu gelombang tersebut. Budaya popular khususnya daripada Barat acap kali di stereotaipkan dan dikaitkan sebagai pembawa kepada fahaman yang songsang dan tidak selari dengan komuniti yang lebih bersifat negatif seperti amalan seks bebas, dadah, alkohol dan lain-lain (Rizky Hafiz Chaniago & Fuziah Kartini Hassan Basri, 2011). Sejajar dengan itu, tidak dapat dinafikan bahawa

muzik bergenre 'rock kapak' ini telah memberikan impak kepada pengikutnya dari pelbagai sudut seperti gaya pemakaian, komunikasi, dandanan rambut yang jelas kelihatan serta banyak lagi.

Selari dengan itu, pengayaan rambut yang panjang, celak di bawah mata, seluar kulit yang ketat dan pemakaian baju yang menayangkan bahagian dada (Budiman, 2021) merupakan sebuah *trend* yang menjadi ikutan cerminan daripada gelombang 'rock kapak' ini. Budiman (2021) juga menerusi artikelnya berpendapat bahawa genre muzik 'rock kapak' ini membawa pengaruh yang besar dari sudut fesyen sebagai penongkah arus semasa selain aliran muziknya yang kasar dan ganas. Seterusnya, stigma dan pandangan negatif terhadap pengaruh genre 'rock kapak' sebagai budaya popular ini mengundang ketidaktentuan dan keresahan daripada pihak atasan khususnya pihak pentadbiran. Oleh itu, dapat dikesan bahawa pengaruh genre atau budaya popular ini telah menghasilkan penerapan ideologi konsep hegemoni daripada pihak atasan dalam mendominasi masyarakat dan superstruktur.

Di dalam konteks 'rock kapak', genre muzik yang popular di negara ini pada era 1970-an dan 1980-an dapat dilihat berlakunya penerapan ideologi konsep hegemoni dan pendominasian superstruktur menerusi transformasi dan evolusi genre muzik ini. Selari dengan itu, pihak berkuasa khususnya Kerajaan Malaysia pada zaman tersebut menganggap bahawa pengaruh genre 'rock kapak' memberikan kesan dan impak yang negatif kepada masyarakat umumnya peminat tegar genre ini. Stigma yang mengatakan bahawa genre muzik ini membawa pengaruh yang negatif kepada masyarakat telah mengubah persepsi sesetengah peminat terhadap genre ini dan ianya stigma oleh pihak atasan ini dilihat sebagai kongkongan terhadap masyarakat supaya mengikut apa yang dikehendaki oleh pihak pentadbir. Adil Johan (2018) juga menyatakan bahawa secara lumrahnya masyarakat di Malaysia akan sering kali menjalani kehidupan mengikut perkara yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa walaupun berlainan latar belakang.

Selanjutnya, penerapan konsep hegemoni dan pendominasian superstruktur terhadap genre 'rock kapak' di negara ini melibatkan tiga struktur kelas seperti pihak berkuasa (kerajaan), kumpulan 'rock kapak' dan masyarakat khususnya peminat muzik ini. Pada peringkat awalnya, konsep ini dapat dilihat menerusi kenyataan yang diberikan oleh pihak berkuasa kepada masyarakat telah menimbulkan stigma terhadap pengaruh negatif yang dibawa oleh genre 'rock kapak' ini dengan pendominasian superstruktur khususnya terhadap kelas ketiga tersebut. Wan Ahmad Shaufiq (2020) telah menyatakan bahawa Datuk Seri Najib Razak yang menggalas jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan pada waktu tersebut telah mendakwa bahawa genre 'rock kapak' ini adalah suatu bentuk anti-sosial serta mempunyai elemen-elemen sesat atau *a form of satanic escapism* (Chapman & Johnson, 2016). Kenyataan ini dianggap pra-matang kerana ianya tidak menilai terhadap sisi baik yang dibawa oleh muzik genre 'rock kapak' ini. Terdapat juga beberapa lagu 'rock kapak' ini yang berkonsepkan ketuhanan dan membawa mesej yang baik kepada masyarakat (Wan Ahmad Shaufiq, 2020).

Walaubagaimanapun, kenyataan tersebut telah memaparkan penerapan ideologi konsep hegemoni ini menerusi bentuk yang kedua iaitu perlaksanaan secara intelektual (halus) dengan memberikan masyarakat untuk berfikir dan mempercayainya tanpa ragu-ragu walaupun ianya tidak benar secara keseluruhannya (Yofiendi Indah Indainanto, 2020). Malah, muzik bergenre 'rock kapak' ini semakin berkembang dengan pesat dan di kalangan sesetengah masyarakat khususnya peminat seakan-akan tidak mengendahkan stigma dan tanggapan negatif yang

diberikan oleh pihak atasan. Mastorianni (2017) menerusi pembacaannya terhadap *Marxism and Literature* oleh Raymond Williams menyatakan bahawa dominasi superstruktur digunakan melalui tiga cara dan salah satu daripadanya adalah melalui perundangan dan politik serta bentuk kesedaran kepada masyarakat.

Penggunaan cara ini dalam pendominasian superstruktur dan penerapan hegemoni terhadap genre 'rock kapak' kepada masyarakat adalah dengan cara rundingan antara pihak atasan dan budaya popular yang mencetuskan elemen timbal balik. Pendekatan ini dilakukan dengan elemen intelektual hegemoni antara pihak atasan (Kerajaan Malaysia) dan golongan budaya popular (rock kapak) dengan mendominasi golongan ini demi mencapai tujuan yang dikehendaki kepada kelas ketiga (masyarakat). Misalnya, pada tahun 1992 negara ini telah menyaksikan pemotongan rambut kumpulan-kumpulan 'rock kapak' ini seperti *Search* dan *Wings* oleh seorang Menteri (Allahyarham Tan Sri Mohamed Rahmat) dan ianya bersiaran langsung di kaca televisyen. Justeru, ianya telah memberi kesedaran kepada masyarakat serta isu ini menjadi tarikan yang baru untuk dijadikan *trend* seperti berambut pendek dan ianya merupakan sebuah keberkesanan terhadap konsep hegemoni dan mendominasi superstruktur terhadap masyarakat.

Di samping itu, pihak atasan juga menggunakan penerapan konsep hegemoni kaedah paksaan, politik serta perundangan dalam mendominasi superstruktur melalui genre muzik 'rock kapak' ini. Chapman dan Johnson (2016) menyatakan bahawa pada tahun 1986 pihak kerajaan telah mengharamkan sebuah konsert (*open air concert*) di Pulau Pinang yang dihadiri oleh 4,000 orang apabila penonton mula bertindak liar dengan melakukan balingan kerusi serta tin. Pengharaman konsert ini telah menjadi penyebab terhadap *open air* konsert yang lain walaupun tidak membawa pengaruh negatif. Justeru, konsep hegemoni dan pendominasian superstruktur ini sememangnya diadaptasi samada secara paksaan atau intelektual di negara ini terhadap genre muzik 'rock kapak' ini oleh pihak atasan dan ianya telah memberikan impak kepada sosial serta budaya masyarakat menerusi akitiviti hegemoni ini.

Terma seperti 'mengawal', 'mendominasi' dan 'menguasai' sesuatu kelas yang dominan oleh pihak atasan atau pemerintah merupakan tujuan asal bagi konsep hegemoni ini diadaptasikan. Seajar dengan itu, genre 'rock kapak' yang merupakan sebagai budaya popular telah dijadikan sebagai medium berlakunya penerapan ideologi konsep hegemoni dalam mengawal serta menguasai superstruktur kelas seperti institusi media massa terhadap masyarakat. Gramsci (1971) juga menghujahkan bahawa pihak pemerintah bukan sahaja mewakili badan kerajaan bahkan ianya juga mewakili peribadi serta masyarakat sivil. Selari dengan itu, pendominasian terhadap kelas tertentu oleh pihak atasan seperti sesiapa sahaja yang terlibat di dalam genre 'rock kapak' telah menjadi lumrah di dalam konteks pelaksanaan konsep hegemoni ini. Azhar Haji Wahid (2011) membahaskan bahawa terdapat 6 elemen yang dapat mengukuhkan pelaksanaan konsep hegemoni ini antaranya adalah kebudayaan, pendominasian, pemikiran atau ideologi, kepercayaan popular, intelektual dan negara. Justeru, elemen-elemen ini dapat dilihat menerusi pengadaptasian yang dilakukan oleh pihak atasan seperti kerajaan dalam memanipulasi dan mendominasi superstruktur dengan menguasai kelas dominan (genre 'rock kapak') yang telah memberi impak kepada masyarakat.

Pada peringkat awalnya, pelaksanaan ini tidak terlalu memberikan impak kepada majoriti masyarakat kerana pengaruh serta gelombang 'rock kapak' yang memasuki ke negara ini sangat besar dan memainkan peranan dalam perubahan identiti dan sosial masyarakat. Maka, pihak atasan memainkan peranan dengan mengeluarkan kenyataan dan tanggapan negatif di dalam budaya 'rock kapak' ini

kepada masyarakat dengan menerapkan stigma tanggapan ini di dalam pemikiran mereka malah ianya adalah tujuan pihak atasan dalam membanteras genre muzik secara intelektual dan berhemah. Medium seperti media massa telah menjadi pacuan pihak atasan atau kerajaan dalam menyampaikan serta mempengaruhi ideologi ini demi mendominasi masyarakat (Yofiendi, 2020). Lalu, impak pada peringkat permulaan ini memperlihatkan keberkesanan pada hanya minoriti masyarakat sahaja yang dipengaruhi oleh ideologi yang diterapkan daripada pihak atasan.

Seterusnya, pihak atasan masih lagi memainkan peranannya dalam mendominasi genre muzik ini dengan menyusupi segala peluang yang dapat mengawal pemikiran masyarakat yang masih mengikuti genre dan budaya popular ini. Pada peringkat pertengahan ini, pihak atasan cuba mengadaptasikan cara paksaan atau tanpa rela untuk memberikan kesan yang lebih mendalam terhadap konsep hegemoni ini. Seperti yang dikatakan oleh Chapman dan Johnson (2016), pengharaman konsert 'rock kapak' yang melibatkan 4,000 orang pengunjung dan keadaan huru hara telah memberikan peluang serta mengukuhkan lagi pendominasian yang dilakukan daripada pihak atasan sambil perlaksanaan hegemoni pada peringkat awal dengan memberikan kenyataan yang dapat mempengaruhi masyarakat. Selaras dengan itu, impaknya pada masyarakat dapat dilihat apabila masyarakat mula berfikir logik bahawa genre muzik ini membawa pengaruh yang negatif kepada diri mereka. Justeru, ideologi yang diterapkan oleh pihak atasan telah berkesan apabila ianya telah memberikan kesedaran kepada masyarakat serta mendominasi kerangka pemikiran yang telah ditentukan oleh pihak atasan. (Alexander, 2013).

Di samping itu, pada peringkat akhir penerapan ideologi konsep hegemoni dan pendominasian superstruktur terhadap genre 'rock kapak', yang telah menyaksikan isu moral yang sering dimainkan pihak atasan lalu gabungan antara dua langkah konsep telah memberikan impak yang besar kepada umum iaitu kaedah paksaan dan intelektual (halus). Seperti yang diutarakan sebelum ini, pada tahun 1992, negara telah menyaksikan suatu upacara atau majlis potongan rambut yang dilakukan oleh Tan Sri Mohamed Rahmat (Menteri) yang bersiaran secara langsung di kaca televisyen. Secara tersiratnya peristiwa ini menyaksikan bahawa konsep hegemoni dilaksanakan dengan pendominasian superstruktur seperti media massa dan masyarakat amnya dalam mengukuhkan lagi ideologi yang sama seperti sebelum ini.

Sejajar dengan itu, aktiviti atau majlis ini dapat dicapai adalah disebabkan sebuah aspek dalam hegemoni yang dikenali sebagai konsensus, Endah Siswati (2017) menghujahkan bahawa ianya boleh berlaku apabila terdapat dasar persetujuan terhadap dua entiti atau lebih yang berlandaskan atas aspek-aspek tertentu. Justeru, perlaksanaan ini telah memberikan kesan kepada masyarakat khususnya peminat genre 'rock kapak' yang telah dilakukan dapat dilihat secara perlahan-lahan mengalami perubahan dari sudut gaya, budaya dan sosial. Hal ini kerana budaya popular adalah merupakan sebuah budaya yang dibuat oleh mereka sendiri (Delaney, 2017), maka kumpulan-kumpulan 'rock kapak' ini telah menjadi *trendsetter* kepada masyarakat untuk diikuti. Dalam masa yang sama, genre 'rock kapak' ini telah mengalami evolusi dan transformasi selepas peristiwa ini dengan gaya dan imej berbeza, aliran muzik yang tidak terlalu ganas dan mula berevolusi kepada terma 'rock jiwang atau leleh'. Justeru, pihak atasan telah berjaya mendominasi dan menguasai aspek superstruktur dan masyarakat dengan mendekati elemen di dalam konsep hegemoni ini iaitu kepercayaan popular dan membentuk sosio-budaya masyarakat mengikut yang dikehendakinya.

## KESIMPULAN

Secara konklusinya, budaya popular merupakan sebuah budaya yang menjadi ikutan dan terkenal di kalangan masyarakat umumnya. Delaney (2017) telah menghujahkan bahawa budaya popular ini boleh diterjemahkan kepada budaya daripada masyarakat yang saling berkait antara sosial dan budaya masyarakat. Genre muzik seperti 'rock kapak' merupakan sebuah budaya popular yang menjadi bualan serta ikutan (*trend*) masyarakat terhadap gelombang yang dibawa pada awal abad 1980-an dan 1990-an. Selaras dengan itu, gelombang genre muzik yang berasal daripada barat ini juga banyak mempengaruhi dan memberikan kesan yang besar dalam perubahan identiti sosial masyarakat di Malaysia pada ketika itu. Selari dengan itu, konsep hegemoni memainkan peranan dominan oleh pihak kerajaan dalam mengawal selia serta mengatasi gelombang besar yang dibawa oleh genre 'rock kapak' ini. Hal ini disebabkan anggapan yang mengatakan bahawa genre muzik ini membawa mesej yang negatif dan terlalu ganas kepada masyarakat. Walau bagaimanapun, konsep hegemoni ini memberikan kesan serta implikasi kepada genre yang dilihat mengalami evolusi yang menyaksikan perubahan dari segi imej dan alunan lagunya. Akhir sekali, penerapan ideologi konsep hegemoni ini memperlihatkan keberkesanannya secara perlahan-lahan menerusi tiga fasa dan peringkat.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin menyampaikan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Norman Yusoff kerana telah banyak membantu daripada awal hingga akhir penulisan ini.

## RUJUKAN

- Adil Johan. (2018, June). *Muzik popular Malaysia: Perangsang dan pelantar sosial integrasi nasional*. Tapak Integrasi: Wahana Penyatupaduan Negara.  
[https://www.academia.edu/49926490/Muzik\\_Popular\\_Malaysia\\_Perangsang\\_dan\\_Pelantar\\_Sosial\\_Integrasi\\_Nasional](https://www.academia.edu/49926490/Muzik_Popular_Malaysia_Perangsang_dan_Pelantar_Sosial_Integrasi_Nasional)
- Alexander Beni Pramudyanto. (2013). Media baru dan peluang counter-hegemony ATAS Dominasi logika Industri Musik (studi kasus perkembangan netlabel di Indonesia). *Jurnal Ilmu Komunikasi*, 10(1), 63–82.  
<https://doi.org/10.24002/jik.v10i1.154>
- Azhar Haji Wahid. (2011). Teori hegemoni dalam kesusasteraan Melayu. *Jurnal Bahasa Dan Sastera Melayu*, 2, 71–85.  
<https://ejournal.upsi.edu.my/index.php/PENDETA/article/view/1107>.
- Budiman Mohd Zohdi. (2021, January 27). Kegemilangan rock kapak. *Sinar Harian*.  
<https://www.sinarharian.com.my/article/121048/khas/pendapat/kegemilangan-rock->
- Chapman, I., & Johnson, H. M. (2016). *Global glam and popular music: Style and spectacle from the 1970s to the 2000s*. Routledge.
- Delaney, T. (2017). Pop culture: An overview. *Philosophy now: A magazine of ideas*.  
[https://philosophynow.org/issues/64/Pop\\_Culture\\_An\\_Overview](https://philosophynow.org/issues/64/Pop_Culture_An_Overview)
- Dewi Saklina Lasiana., & Mamik Tri Wedawati. (2021). The portrayal of hegemony as seen in Snowpiercer. *Journal of Language and Literature*, 9(1), 26–41.  
<https://doi.org/10.35760/jll.2021.v9i1.3719>



- Endah Siswati. (2017). Anatomi Teori hegemoni Antonio Gramsci. *Translitera: Jurnal Kajian Komunikasi dan Studi Media*, 5(1), 11–33.  
<https://doi.org/10.35457/translitera.v5i1.355>
- Gramsci, A. (1971). *Selections from the prison notebooks*. In Q. H. Smith & G. Nowell (Eds.). Lawrence & Wishart.
- Forgacs, D. (Ed.). (2000). *The gramsci reader: Selected writings 1916-1935*. New York University Press.
- Grierson, T. (2018, November 30). *The origins and history of rock music*. LiveAbout.  
<https://www.liveabout.com/what-is-rock-music-2898293>
- Marsyela Nurtaviola Widyaswari. (2016). Bentuk konsep hegemonie dalam film Die Welle karya Dennis Gansel. *Identitaet*, 5(3), 1–5.  
<https://doi.org/https://ejournal.unesa.ac.id/index.php/identitaet/article/view/16774>
- Mastrorianni, D. (2017). *Hegemony in Gramsci*. Postcolonial Studies.  
<https://scholarblogs.emory.edu/postcolonialstudies/2014/06/20/hegemony-in-gramsci/>
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor., & Ghazali Mahyudin. (2008). Hegemoni dan kontra hegemoni: Memahami perubahan Pilihan Raya Umum Ke-12. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 35, 33–48.  
<http://journalarticle.ukm.my/365/>
- Rizky Hafiz Chaniago., & Fuziah Kartini Hassan Basri. (2011). Budaya populer dan komunikasi: Impak kumpulan slank terhadap Slankers di Indonesia. *Jurnal Komunikasi; Malaysian Journal of Communication*, 27(1), 91–100.
- Sanneh, K. (2021). *Major labels: A history of popular music in seven genres*. Penguin Press.
- Wan Ahmad Shaufiq. (2020, November 23). *Pengaruh sub-budaya rock Kapak dalam masyarakat Melayu di Malaysia*. Academia.edu.  
[https://www.academia.edu/44558222/Pengaruh\\_Sub\\_Budaya\\_Rock\\_Kapak\\_Dalam\\_Masyarakat\\_Melayu\\_di\\_Malaysia](https://www.academia.edu/44558222/Pengaruh_Sub_Budaya_Rock_Kapak_Dalam_Masyarakat_Melayu_di_Malaysia)
- Yofiendi Indah Indainanto. (2020). Hegemoni ideologi konsumtif sebagai gaya hidup remaja. *JURNAL SIMBOLIKA Research and Learning in Communication Study*, 6(1), 65–75. <https://doi.org/10.31289/simbollika.v6i1.3607>